



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902586-V)

Tingkat 5, Mezz & P 1,
No 46, Jalan Dajun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel +60 3 2095 3030
Fax +60 3 2095 2121

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Berita Harian
Date :	23/10/2015

Penurunan ringgit tidak jejas projek MRT

Penurunan nilai ringgit tidak memberi kesan kenaikan kos terhadap pelaksanaan Projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Laluan Satu yang menghubungkan Sungai Buloh-Kajang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata nilai semua kontrak pembinaan itu

yang mencakupi kontrak kerja sistem membabitkan kontraktor luar negara dilaksanakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM).

Kontraktor tanggung kos

Kontrak berkenaan, katanya, ditetapkan sebelum nilai mata wang negara mengalami

kejatuhan.

“Dalam hubungan ini, sebarang kenaikan kos yang berlaku disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit akan ditanggung oleh pihak kontraktor.

“Sehingga kini, kenaikan kos yang ditanggung kontraktor adalah RM600,000,”

katanya dalam jawapan bertulis kepada Datuk Ahmad Fauzi Zahari (BN-Setiawangsa).

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, status kemajuan Projek MRT Laluan Satu itu mengikut jadual dan mencapai tahap 70.21 peratus kemajuan.

Katanya, fasa satu projek iaitu dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka siap dan mula beroperasi pada 31 Disember 2016 manakala fasa kedua projek iaitu Semantan ke Kajang dijadualkan siap serta beroperasi mulai 31 Julai 2017.